

FAKTOR PENGHALANG AMALAN PEMBACAAN AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR UiTM CAWANGAN JOHOR

Factors Hindering the Practice of Qur'an Recitation Among UiTM Johor Students

Mohd Shukri Mohd Senin*, Mohd Ali Muhammad Don, Mohd Rilizam Rosli, Mohd Huefiros Efizi
Husin and Mohd Farhan Ahmad

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang Jalan
Purnama, Bandar Seri Alam, 81750 Masai, Johor

*Corresponding Author (E-mail): shukrisenin@uitm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol33no1.679>

Submission date: 08/03/2026 | Accepted date: 14/14/2026 | Published date: 31/05/2026

Abstrak

Amalan membaca al-Quran merupakan satu ibadah yang sangat dituntut dalam Islam dengan pelbagai galakan dan kelebihan yang disebutkan dalam al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Walau bagaimanapun, tahap pengamalan bacaan al-Quran dalam kalangan umat Islam adalah berbeza kerana wujud beberapa faktor yang menjadi penghalang kepada konsistensi amalan tersebut. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti faktor-faktor penghalang pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang. Kajian ini melibatkan seramai 103 orang pelajar diploma dalam bidang kejuruteraan yang dipilih secara rawak. Pendekatan kuantitatif digunakan dengan instrumen soal selidik sebagai sumber utama pengumpulan data, manakala analisis dijalankan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 22 melalui ujian statistik deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor utama yang dikenal pasti sebagai penghalang kepada pembacaan al-Quran ialah kekangan masa, pengaruh rakan sebaya, godaan media sosial, serta kelemahan disiplin diri dalam mengurus keutamaan. Walaupun majoriti pelajar menolak faktor kurang mahir membaca dan ketiadaan minat sebagai sebab utama, dapatan ini menegaskan bahawa faktor persekitaran dan motivasi dalaman lebih signifikan dalam mempengaruhi tahap konsistensi pelajar terhadap amalan membaca al-Quran secara berterusan.

Kata kunci : Amalan, Quran, Penghalang, Pelajar, Penghayatan

Abstract

The practice of Qur'an recitation is a highly emphasized act of worship in Islam, with numerous exhortations and virtues mentioned in the Qur'an and the sayings of the Prophet Muhammad (peace be upon him). However, the level of engagement with Qur'an recitation among Muslims varies, as several factors hinder the consistency of this practice. Hence, this study was conducted to identify the inhibiting factors of Qur'an recitation among students of Universiti Teknologi MARA (UiTM), Johor Branch, Pasir Gudang Campus. The study involved 103 diploma students in the field of engineering who were randomly selected. A quantitative approach was employed using a questionnaire as the primary data collection instrument, while the data were analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 22 through descriptive statistical tests. The findings revealed that the main inhibiting factors for Qur'an recitation were time constraints, peer influence, distractions from social media, and weaknesses in self-discipline in managing priorities. Although the majority of students rejected lack of

reading ability and absence of interest as the main reasons, the results highlight that environmental influences and internal motivation are more significant in affecting the students' consistency in reciting the Qur'an.

Keywords: Practice, Quran, Barrier, Students, Appreciation

PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan kitab suci terakhir yang diturunkan oleh Allah SWT melalui malaikat Jibril AS sebagai panduan hidup untuk seluruh umat manusia. Fungsinya bukan sahaja sebagai bacaan yang dikira ibadah, bahkan berfungsi sebagai rujukan utama dalam kehidupan seharian yang merangkumi aspek akidah, ibadah, akhlak, dan perundangan. Amalan membaca al-Quran secara konsisten telah lama menjadi asas dalam pembinaan jati diri Muslim semenjak zaman Rasulullah SAW lagi. Amalan ini juga mampu membentuk keseimbangan rohani, jasmani, intelek dan juga emosi. Justeru, amalan bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi merupakan satu keperluan yang perlu dipupuk agar mereka kekal berpaksikan nilai ilahi dalam menghadapi cabaran kehidupan moden khususnya sepanjang mereka bergelar pelajar di institusi pengajian tinggi.

Walau bagaimanapun, realiti menunjukkan bahawa tahap pengamalan bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar-pelajar ini adalah berbeza. Menurut Abd Razak et.al (2022), sikap dan tingkah laku pelajar merupakan faktor utama yang memberi kesan kepada tahap kebolehpayaan mereka dalam menguasai pembacaan dengan baik. Sebahagian pelajar ada yang membaca al-Quran ini secara konsisten, manakala sebahagian yang lain pula berhadapan dengan pelbagai halangan yang mengurangkan tumpuan terhadap pembacaan al-Quran. Faktor penghalang ini wajar diberi perhatian kerana ia boleh menjadi penentu kepada jatuh bangun amalan spiritual dalam kalangan generasi muda. Dalam konteks pelajar universiti, halangan yang dihadapi lebih mencabar kerana mereka turut terikat dengan jadual akademik, aktiviti kokurikulum dan gaya hidup yang serba pantas.

Antara faktor penghalang yang sering dikaitkan dengan pembacaan al-Quran ialah kekangan masa dengan pelbagai urusan lain sebagaimana menurut Daud dan Musa (2021) dalam kajian mereka, tekanan akademik, serta pengaruh persekitaran yang kurang menyokong. Kehidupan pelajar yang padat dengan tugas dan aktiviti menyebabkan mereka kurang memberi keutamaan kepada bacaan al-Quran. Selain itu, pengaruh media sosial dan hiburan digital juga sering menjadi punca pelajar lebih terdorong kepada aktiviti lain berbanding meluangkan masa dengan al-Quran. Kekangan motivasi dalaman turut menjadi faktor yang memperlahankan usaha mereka untuk menjadikan bacaan al-Quran sebagai rutin harian.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang menjadi penghalang kepada amalan pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar UiTM Pasir Gudang. Fokus terhadap isu ini penting kerana ia boleh membantu pihak institusi, pensyarah dan keluarga memahami keadaan sebenar yang dialami pelajar. Dengan mengenal pasti faktor penghalang ini, langkah intervensi yang lebih berkesan dapat dirangka bagi mengembalikan semangat membaca al-Quran dalam kalangan pelajar, sekali gus memastikan mereka membesar sebagai insan berilmu, berakhlak dan berteraskan nilai Islam.

PENYATAAN MASALAH

Al-Quran merupakan sumber utama dalam kehidupan umat Islam dan menjadi panduan kepada seluruh aspek kehidupan manusia. Namun, walaupun kedudukannya yang tinggi dan mulia, amalan menjadikan al-Quran sebagai bahan bacaan wajib setiap hari dan berterusan semakin kurang mendapat perhatian khususnya dalam kalangan generasi muda. Situasi ini menimbulkan kebimbangan apabila pelajar yang sepatutnya menjadi pewaris agama dan negara tidak lagi memberi keutamaan kepada pembacaan al-Quran sebagai amalan harian (Abd Razak et.al, 2022).

Kecenderungan untuk tidak membaca al-Quran secara konsisten sering dikaitkan dengan pelbagai faktor penghalang. Antaranya ialah kekangan masa akibat jadual akademik yang padat, tekanan tugas, serta kesibukan aktiviti kokurikulum (Daud dan Musa, 2021). Faktor ini menjadikan pelajar

lebih cenderung memberi tumpuan kepada pencapaian akademik semata-mata berbanding memperuntukkan masa untuk bacaan al-Quran. Keadaan ini boleh melemahkan pembentukan sahsiah Islamiah yang seimbang dari aspek rohani, emosi, dan intelek.

Selain itu, pengaruh persekitaran juga memainkan peranan penting dalam membentuk sikap pelajar terhadap pembacaan al-Quran. Ledakan teknologi, media sosial, serta hiburan digital telah mengambil sebahagian besar masa mereka. Keasyikan terhadap dunia digital ini sering mengalihkan perhatian pelajar daripada aktiviti bermanfaat seperti membaca al-Quran (Noor Zainan et.al, 2021). Hal ini mewujudkan suasana yang kurang kondusif untuk memupuk budaya membaca al-Quran dalam kehidupan seharian mereka.

Kurangnya sokongan daripada keluarga dan rakan sebaya turut menjadi penghalang kepada amalan membaca al-Quran. Menurut Bangsawan et.al (2022), minat terhadap al-Quran, guru-guru yang suka membantu pelajar, sikap disiplin yang tinggi, motivasi diri dan keluarga, suasana pembelajaran dan doa daripada orang lain akan menyumbang kepada tahap kecemerlangan pelajar. Pelajar yang tidak mendapat dorongan atau teladan yang baik daripada ibu bapa mahupun persekitaran sosial akan lebih sukar untuk menjadikan bacaan al-Quran sebagai rutin. Malah, tanpa galakan berterusan daripada guru atau pihak institusi, kecenderungan pelajar untuk membaca al-Quran boleh terus merosot. Faktor-faktor ini menimbulkan jurang besar antara pengetahuan agama yang mereka peroleh dengan pengamalan sebenar dalam kehidupan.

Berdasarkan permasalahan ini, jelas bahawa terdapat pelbagai faktor penolak yang menjadi penghalang kepada amalan pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar universiti. Fenomena ini menuntut kajian khusus agar punca sebenar dapat dikenal pasti dan difahami. Justeru, kajian ini memberi fokus kepada pelajar UiTM Pasir Gudang bagi meneliti faktor-faktor penghalang yang menghalang mereka daripada membaca al-Quran secara berterusan. Hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi asas kepada cadangan penyelesaian yang praktikal untuk memperkukuh amalan membaca al-Quran dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi.

TINJAUAN KAJIAN LEPAS

Kajian-kajian terdahulu berkaitan amalan pembacaan al-Quran telah menyatakan bahawa amalan ini mempunyai kepentingan yang sangat signifikan dalam membentuk sahsiah Muslim. Bacaan al-Quran bukan sahaja memberi kesan kepada kerohanian, bahkan turut dikaitkan dengan perkembangan emosi, intelektual dan sosial pelajar (Hasbullah et.al, 2020). Walau bagaimanapun, amalan ini tidak dapat dicapai secara optimum kerana terdapat beberapa faktor penghalang seperti pengaruh persekitaran, rakan sebaya, serta media massa yang turut mempengaruhi tahap konsistensi pelajar, khususnya dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi.

Dalam konteks pendidikan Islam, isu kekangan masa merupakan salah satu faktor utama yang menyebabkan penurunan kekerapan membaca al-Quran. Pelajar universiti sering terikat dengan jadual kuliah, tugas akademik, dan aktiviti kokurikulum. Situasi ini menyebabkan mereka lebih mengutamakan pencapaian akademik berbanding dengan amalan membaca al-Quran. Oleh itu, kekangan masa sering dilihat sebagai halangan yang signifikan terhadap penghayatan bacaan al-Quran secara berterusan (Daud dan Musa, 2021).

Selain faktor masa, tekanan akademik turut mempengaruhi motivasi pelajar untuk membaca al-Quran. Tuntutan peperiksaan, projek, dan beban kerja intelektual boleh membawa kepada tekanan psikologi yang melemahkan keinginan pelajar untuk meluangkan masa membaca al-Quran. Hal ini menimbulkan kebimbangan kerana tekanan yang berpanjangan boleh menjauhkan pelajar daripada aktiviti spiritual yang sepatutnya menjadi penenang jiwa.

Pengaruh persekitaran juga memainkan peranan penting. Dalam era digital, media sosial, hiburan dalam talian, dan penggunaan gajet yang berlebihan sering dilaporkan sebagai faktor yang mengurangkan tumpuan pelajar terhadap amalan agama (Noor Zainan et.al, 2021). Pelajar lebih terdorong untuk

menghabiskan masa dengan aktiviti hiburan berbanding dengan membaca al-Quran. Keadaan ini mewujudkan persaingan tidak sihat antara aktiviti rohani dan hiburan duniawi.

Sokongan keluarga dan rakan sebaya juga dikenal pasti sebagai faktor yang boleh menjadi penggalak atau penghalang. Ketiadaan dorongan daripada ibu bapa untuk membudayakan al-Quran dalam rumah tangga memberi kesan terhadap anak-anak. Begitu juga dengan pengaruh rakan sebaya, pelajar yang berada dalam kelompok yang tidak menekankan amalan membaca al-Quran lebih cenderung untuk mengabaikannya. Ini menunjukkan bahawa faktor sosial memainkan peranan besar dalam menentukan kekuatan amalan bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar (Bangsawan et.al, 2022).

Faktor institusi juga tidak kurang pentingnya. Sekiranya universiti tidak menyediakan ruang, masa, atau program khusus yang menekankan pembacaan al-Quran, pelajar mungkin sukar untuk mengamalkan bacaan secara konsisten. Kajian menunjukkan bahawa meskipun beberapa IPT Islam menawarkan kursus talaqqi al-Quran bersanad, bilangan institusi yang menyediakannya masih terhad, yang menunjukkan jurang dari segi sediaan institusi untuk menyokong amalan bacaan berterusan (Mohamad et.al, 2021). Walaupun terdapat kursus-kursus pengajian Islam, penguatkuasaan amalan membaca al-Quran dalam bentuk tadarus berkumpulan atau aktiviti sokongan lain masih kurang diberi perhatian. Ini menjadikan faktor institusi sebagai salah satu cabaran utama yang perlu diberi penekanan dan penambahbaikan.

Secara keseluruhannya, kajian literatur menunjukkan bahawa faktor penghalang pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar merangkumi aspek peribadi, sosial, akademik, dan institusi. Setiap faktor ini saling berkait dan memberi kesan yang berbeza-beza bergantung pada latar belakang pelajar. Oleh itu, penelitian yang lebih khusus terhadap faktor-faktor ini dalam konteks UiTM Pasir Gudang amat diperlukan untuk memahami realiti sebenar yang dihadapi pelajar, serta menyediakan cadangan praktikal bagi memperkukuh budaya membaca al-Quran dalam kalangan mereka.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Pengkaji mendapatkan maklumat utama kajian daripada soal selidik yang diedarkan menggunakan google form kepada pelajar-pelajar UiTM kampus Pasir Gudang. Responden kajian ini dipilih secara rawak sahaja dalam kalangan pelajar yang beragama Islam. Seramai 103 orang pelajar terlibat sebagai responden kajian ini.

Dalam kajian ini responden perlu memilih jawapan yang sesuai dengan diri responden berasaskan skala likert lima mata untuk kesemua soalan. Skala likert adalah amat sesuai digunakan bagi mengukur jawapan yang diberikan oleh responden dalam ruang tertentu secara berterusan tentang suatu amalan persepsi dan sikap. Responden diminta memilih salah satu nombor dari 1 hingga 5 berdasarkan keterangan bagi nombor-nombor tersebut iaitu Sangat Tidak Setuju (1) hingga kepada Sangat Setuju (5). Kesemua data yang diperolehi daripada soal selidik ini kemudiannya dianalisis secara deskriptif menggunakan aplikasi SPSS.

Bagi memastikan setiap soalan di dalam soal selidik ini boleh diterima dari segi kebolehpercayaannya, pengkaji telah menguji setiap soalan yang dirangka dengan mencari pekali alfa atau dikenali sebagai Cronbach Alpha menerusi aplikasi SPSS. Jadual nilai kebolehpercayaan boleh dijadikan sebagai panduan dalam menilai kebolehpercayaan sebagaimana yang dicadangkan oleh Matt (t.t) di dalam Jadual 1.

Jadual 1: Panduan Tahap Nilai Pekali Kebolehpercayaan

Bil	Pekali Kepercayaan	Tahap Kebolehpercayaan
1	0.90 atau lebih	Amat Baik (<i>Excellent</i>)
2	0.80 – 0.89	Baik (<i>Good</i>)
3	0.70 – 0.79	Boleh Diterima (<i>Acceptable</i>)
4	0.60 – 0.69	Diragui (<i>Questionable</i>)

5	0.50 – 0.59	Tidak Baik (<i>Poor</i>)
6	0.00 – 0.49	Ditolak (<i>Unacceptable</i>)

Setelah pengkaji melakukan ujian analysis reliabiliti terhadap kesemua item soalan, pengkaji nyatakan dapatan tersebut menerusi jadual di bawah.

Jadual 2: Ringkasan Analisis Kebolehpercayaan Instrumen

Bil	Konstruk	Bilangan Item	Nilai Alfa	Interpretasi
1	Tahap Penguasaan Al-Quran	7	0.747	Boleh Diterima
2	Tahap Kesedaran Bacaan Al-Quran	7	0.956	Amat Baik
3	Kesan Amalan Bacaan Al-Quran	6	0.897	Baik
4	Faktor Penolak Bacaan Al-Quran	7	0.861	Baik
5	Cadangan Amalan bacaan Al-Quran	7	0.824	Baik
Jumlah		34	0.798	Boleh Diterima

Jadual 3: Statistik Ujian Kebolehpercayaan

Cronbach's Alpha	N of Items
.798	34

Jadual 2 di atas menunjukkan dapatan kebolehpercayaan instrumen soal selidik kajian ini. Didapati bahawa nilai Cronbach Alpha bagi setiap konstruk adalah dalam julat 0.747 hingga 0.956. Konstruk Tahap Penguasaan Bacaan Al-Quran mencatatkan nilai kebolehpercayaan yang paling rendah iaitu 0.747. Manakala, konstruk Tahap Kesedaran Bacaan Al-Quran pula mencatatkan nilai kebolehpercayaan yang paling tinggi iaitu 0.956. Sementara itu, nilai Cronbach Alpha keseluruhan bagi instrumen penilaian ini ialah 0.798 sebagaimana dalam jadual 3 di atas. Berdasarkan hasil analisis ini, dapat disimpulkan bahawa instrumen soal selidik yang digunakan di dalam kajian ini boleh dikatakan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang memuaskan dan diterima.

DAPATAN KAJIAN

Pada bahagian ini, penyelidik menjalankan analisis terhadap data-data yang diperolehi daripada responden menggunakan aplikasi SPSS. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif.

Jadual 4: Jantina Responden

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Keseluruhan
Lelaki	52	50.5	50.5	50.5
Perempuan	51	49.5	49.5	100.0
Total	103	100.0	100.0	

Jadual 4 di atas menunjukkan berkaitan jantina responden yang terlibat di dalam kajian ini. Responden lelaki adalah seramai 52 orang manakala responden perempuan adalah seramai 51 orang.

Jadual 5: Kekerapan Amalan Bacaan Al-Quran Mengikut Jantina

		KEKERAPAN MEMBACA AL-QURAN					Total
		1-3 kali dalam sehari	1-3 kali dalam seminggu	1-3 kali dalam dua minggu	1-3 kali dalam tiga minggu	1-3 kali dalam sebulan	
Jantina	Lelaki	10	21	9	1	11	52
	Perempuan	13	20	4	3	11	51
Total		23	41	13	4	22	103

Jadual 5 di atas menunjukkan berkaitan kekerapan amalan bacaan al-Quran dalam kalangan responden berdasarkan jantina. Bagi kekerapan bacaan al-Quran sebanyak 1-3 kali sehari adalah seramai 10 orang responden lelaki dan 13 orang responden perempuan. Bagi kekerapan bacaan al-Quran sebanyak 1-3 kali seminggu adalah seramai 21 orang responden lelaki dan 20 orang responden perempuan. Bagi kekerapan bacaan al-Quran sebanyak 1-3 kali dalam tempoh dua minggu adalah seramai 9 orang responden lelaki dan 4 orang responden perempuan. Bagi kekerapan bacaan al-Quran sebanyak 1-3 kali dalam tempoh 3 minggu adalah seramai 1 orang responden lelaki dan 3 orang responden perempuan. Bagi kekerapan bacaan al-Quran sebanyak 1-3 kali dalam tempoh sebulan pula adalah seramai 11 orang responden lelaki dan 11 orang responden perempuan.

Jadual 6: Faktor 1 (Saya kurang membaca al-Quran kerana saya tidak mahir membaca al-Quran)

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Sangat tidak setuju	38	36.9	36.9	36.9
Tidak setuju	38	36.9	36.9	73.8
Tidak pasti	18	17.5	17.5	91.3
Setuju	7	6.8	6.8	98.1
Sangat setuju	2	1.9	1.9	100.0
Total	103	100.0	100.0	

Jadual 6 di atas adalah berkaitan faktor pertama yang dinilai iaitu “Saya kurang membaca al-Quran kerana saya tidak mahir membaca al-Quran”. Sebanyak 36.9% (38 orang) pelajar menjawab “sangat tidak setuju” dan jumlah serta peratusan yang sama juga menjawab “tidak setuju”. Sebanyak 17.5% (18 orang) pelajar pula menjawab “Tidak pasti”. Sebanyak 6.8% (7 orang) menjawab “setuju” dan sebanyak 1.9% (2 orang) pula menjawab “sangat setuju”.

Jadual 7: Faktor 2 (Saya kurang membaca al-Quran kerana kesibukan urusan saya yang lain)

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Sangat tidak setuju	15	14.6	14.6	14.6
Tidak setuju	24	23.3	23.3	37.9
Tidak pasti	37	35.9	35.9	73.8
Setuju	22	21.4	21.4	95.1
Sangat setuju	5	4.9	4.9	100.0
Total	103	100.0	100.0	

Jadual 7 di atas adalah berkaitan faktor kedua yang dinilai iaitu “Saya kurang membaca al-Quran kerana kesibukan urusan saya yang lain”. Sebanyak 14.6% (15 orang) pelajar menjawab “sangat tidak setuju”. Sebanyak 23.3% (24 orang) pelajar pula menjawab “Tidak setuju”. Sebanyak 35.9% (37 orang) pelajar pula menjawab “Tidak pasti”. Sebanyak 21.4% (22 orang) menjawab “setuju” dan sebanyak 4.9% (5 orang) pula menjawab “sangat setuju”.

Jadual 8: Faktor 3 (Saya kurang membaca al-Quran kerana kerana saya risau kawan-kawan saya akan perli saya “bajet bagus”)

Jadual 8 adalah faktor yang iaitu kurang		Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul	di atas berkaitan ketiga dinilai “Saya
	Sangat tidak setuju	55	53.4	53.4	53.4	
	Tidak setuju	19	18.4	18.4	71.8	
	Tidak pasti	17	16.5	16.5	88.3	
	Setuju	9	8.7	8.7	97.1	
	Sangat setuju	3	2.9	2.9	100.0	
	Total	103	100.0	100.0		

membaca al-Quran kerana kerana saya risau kawan-kawan saya akan perli saya “bajet bagus”. Sebanyak

53.4% (55 orang) pelajar menjawab “sangat tidak setuju”. Sebanyak 18.4% (19 orang) pelajar pula menjawab “Tidak setuju”. Sebanyak 16.5% (17 orang) pelajar pula menjawab “Tidak pasti”. Sebanyak 8.7% (9 orang) menjawab “setuju” dan sebanyak 2.9% (3 orang) pula menjawab “sangat setuju”.

Jadual 9: Faktor 4 (Saya kurang membaca al-Quran kerana saya selalu tewas dengan kehendak nafsu saya untuk buat perkara lain)

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Sangat tidak setuju	23	22.3	22.3	22.3
Tidak setuju	20	19.4	19.4	41.7
Tidak pasti	25	24.3	24.3	66.0
Setuju	24	23.3	23.3	89.3
Sangat setuju	11	10.7	10.7	100.0
Total	103	100.0	100.0	

Jadual 9 di atas adalah berkaitan faktor keempat yang dinilai iaitu “Saya kurang membaca al-Quran kerana saya selalu tewas dengan kehendak nafsu saya untuk buat perkara lain”. Sebanyak 22.3% (23 orang) pelajar menjawab “sangat tidak setuju”. Sebanyak 19.4% (20 orang) pelajar pula menjawab “Tidak setuju”. Sebanyak 24.3% (25 orang) pelajar pula menjawab “Tidak pasti”. Sebanyak 23.3% (24 orang) menjawab “setuju” dan sebanyak 10.7% (11 orang) pula menjawab “sangat setuju”.

Jadual 10: Faktor 5 (Saya kurang membaca al-Quran kerana saya sentiasa bersama kawan-kawan saya melakukan aktiviti tertentu)

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Sangat tidak setuju	19	18.4	18.4	18.4
Tidak setuju	26	25.2	25.2	43.7
Tidak pasti	34	33.0	33.0	76.7
Setuju	17	16.5	16.5	93.2
Sangat setuju	7	6.8	6.8	100.0
Total	103	100.0	100.0	

Jadual 10 di atas adalah berkaitan faktor kelima yang dinilai iaitu “Saya kurang membaca al-Quran kerana saya sentiasa bersama kawan-kawan saya melakukan aktiviti tertentu”. Sebanyak 18.4% (19 orang) pelajar menjawab “sangat tidak setuju”. Sebanyak 15.2% (26 orang) pelajar pula menjawab “Tidak setuju”. Sebanyak 33.0% (34 orang) pelajar pula menjawab “Tidak pasti”. Sebanyak 16.5% (17 orang) menjawab “setuju” dan sebanyak 6.8% (7 orang) pula menjawab “sangat setuju”.

Jadual 11: Faktor 6 (Saya kurang membaca al-Quran kerana saya tidak minat untuk membaca al-Quran)

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Sangat tidak setuju	71	68.9	68.9	68.9
Tidak setuju	16	15.5	15.5	84.5
Tidak pasti	12	11.7	11.7	96.1
Setuju	2	1.9	1.9	98.1
Sangat setuju	2	1.9	1.9	100.0
Total	103	100.0	100.0	

Jadual 11 di atas adalah berkaitan faktor keenam yang dinilai iaitu “Saya kurang membaca al-Quran kerana saya tidak minat untuk membaca al-Quran”. Sebanyak 68.9% (71 orang) pelajar menjawab “sangat tidak setuju”. Sebanyak 15.5% (16 orang) pelajar pula menjawab “Tidak setuju”. Sebanyak 11.7% (12 orang) pelajar pula menjawab “Tidak pasti”. Sebanyak 1.9% (2 orang) menjawab “setuju” dan sebanyak 1.9% (2 orang) pula menjawab “sangat setuju”.

Jadual 12: Faktor 7 (Saya kurang membaca al-Quran kerana saya banyak membaca media sosial seperti whatsapp, facebook dan lain-lain)

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Sangat tidak setuju	24	23.3	23.3	23.3
Tidak setuju	24	23.3	23.3	46.6
Tidak pasti	19	18.4	18.4	65.0
Setuju	27	26.2	26.2	91.3
Sangat setuju	9	8.7	8.7	100.0
Total	103	100.0	100.0	

Jadual 12 di atas adalah berkaitan faktor ketujuh yang dinilai iaitu “Saya kurang membaca al-Quran kerana saya tidak minat untuk membaca al-Quran”. Sebanyak 23.3% (24 orang) pelajar menjawab “sangat tidak setuju”. Sebanyak 23.3% (24 orang) pelajar pula menjawab “Tidak setuju”. Sebanyak 18.4% (19 orang) pelajar pula menjawab “Tidak pasti”. Sebanyak 26.2% (27 orang) menjawab “setuju” dan sebanyak 8.7% (9 orang) pula menjawab “sangat setuju”.

PERBINCANGAN

Kajian ini melibatkan 103 orang pelajar UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang yang terdiri daripada 52 orang lelaki dan 51 orang perempuan. Kajian ini mendapati bahawa kesemua pelajar yang terlibat dalam kajian ini mengamalkan bacaan al-Quran. Kajian oleh Abd Razak & Awang (2022) mendapati bahawa perbezaan jantina dan program pelajar tidak mempengaruhi amalan dan kesedaran pembacaan al-Quran. Namun demikian, terdapat pula perbezaan dari segi kekerapan membaca al-Quran dalam kalangan mereka. Kebanyakan pelajar ini mengamalkan bacaan al-Quran dalam jumlah 1 hingga 3 kali dalam seminggu yang mewakili 39.8% (41 orang) responden. Ini menunjukkan bahawa pelajar yang beragama Islam ini walaupun mereka tidak mengambil jurusan keagamaan namun mereka tetap melaksanakan tuntutan membaca al-Quran sebagai amalan keagamaan (Senin et.al, 2024).

Data menunjukkan bahawa majoriti pelajar tidak menganggap kelemahan membaca al-Quran sebagai faktor utama yang menghalang mereka daripada membaca secara konsisten. Seramai 73.8% pelajar (76 orang) menolak kenyataan tersebut dengan menjawab sangat tidak setuju dan tidak setuju. Hal ini memberi gambaran bahawa kebanyakan responden telah memiliki kemahiran asas bacaan al-Quran yang memadai hasil daripada latar belakang pendidikan Islam yang mereka lalui. Walau bagaimanapun, sebanyak 17.5% (18 orang) memilih jawapan tidak pasti, menandakan adanya segelintir pelajar yang mungkin kurang yakin dengan tahap kelancaran, sebutan atau penguasaan tajwid mereka. Razali et.al (2021) menyatakan melalui kajiannya bahawa peratus pelajar yang masih lemah terhadap penguasaan bacaan al-Quran sama ada di peringkat sekolah rendah seterusnya berlarutan sehingga ke sekolah menengah adalah membimbangkan dan kenyataan ini berkemungkinan mempunyai hubungan dengan dapatan kajian ini.

Walaupun hanya sebilangan kecil pelajar, iaitu 6.8% (7 orang) yang setuju dan 1.9% (2 orang) sangat setuju bahawa kelemahan bacaan menjadi faktor penghalang, kewujudan kumpulan minoriti ini tetap penting untuk diberi perhatian. Ia menunjukkan bahawa isu kemahiran bacaan al-Quran masih wujud dalam kalangan pelajar dan berpotensi menjadi faktor penolak bagi mereka yang kurang yakin dengan kebolehan sendiri. Oleh itu, intervensi dalam bentuk kelas pengukuhan, bimbingan tajwid atau program tasmik secara berkala perlu diberi penekanan agar kelemahan kecil ini tidak terus menjadi alasan yang menghalang pelajar daripada menjadikan bacaan al-Quran sebagai amalan berterusan. Toguan et.al (2024) mendapati inovasi dalam bentuk aplikasi seperti “jomtajwid” juga dapat menjadi alat

pembelajaran yang sangat berharga untuk generasi yang tumbuh dalam lingkungan digital yang memungkinkan mereka untuk terlibat dengan kemahiran tajwid melalui pendekatan yang lebih menarik.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa faktor kesibukan urusan lain mempunyai kesan yang lebih seimbang berbanding faktor kemahiran membaca. Seramai 14.6% (15 orang) pelajar sangat tidak setuju dan 23.3% (24 orang) tidak setuju, menjadikan 37.9% (39 orang) responden menolak faktor ini sebagai punca mereka kurang membaca al-Quran. Namun begitu, dapatan menunjukkan hampir empat daripada sepuluh pelajar (35.9%, 37 orang) memilih jawapan tidak pasti, manakala 21.4% (22 orang) setuju dan 4.9% (5 orang) sangat setuju. Pola ini menggambarkan bahawa sebahagian besar pelajar berdepan dilema antara kesibukan urusan lain dengan keupayaan mereka untuk mengekalkan rutin membaca al-Quran.

Analisis ini boleh ditafsirkan bahawa kesibukan pelajar, sama ada akademik atau urusan peribadi, memang berpotensi menjadi faktor penghalang bacaan al-Quran. Walaupun tidak semua pelajar mengakui ia sebagai halangan utama, peratusan yang tinggi bagi kategori tidak pasti menunjukkan wujud kecenderungan pelajar merasakan masa mereka tidak cukup untuk menggabungkan antara tuntutan akademik dan amalan kerohanian. Oleh itu, faktor ini perlu diberi perhatian kerana ia menekankan pentingnya strategi pengurusan masa serta pendekatan institusi yang lebih menyokong, seperti pengenalan slot bacaan al-Quran secara berkumpulan atau program ringkas harian yang boleh membantu pelajar mengekalkan kesinambungan amalan tilawah walaupun dalam keadaan sibuk.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor ejekan atau persepsi negatif rakan sebaya bukanlah penghalang utama kepada amalan pembacaan al-Quran. Hal ini jelas apabila 53.4% (55 orang) pelajar sangat tidak setuju dan 18.4% (19 orang) tidak setuju dengan kenyataan ini, menjadikan jumlah keseluruhannya 71.8% (74 orang). Keputusan ini menggambarkan bahawa majoriti pelajar tidak terkesan dengan kemungkinan dipersenda oleh rakan, malah mereka masih mampu mengekalkan pendirian sendiri dalam mengamalkan bacaan al-Quran. Ini satu indikator positif bahawa budaya malu atau takut diperli tidak menjadi faktor dominan yang menghalang mereka.

Walaupun bagaimanapun, terdapat 16.5% (17 orang) yang memilih tidak pasti serta 11.6% (12 orang) yang setuju atau sangat setuju. Walaupun bilangannya kecil, ia tetap menunjukkan adanya pelajar yang bimbang dengan stigma sosial dan ejekan rakan sebaya. Situasi ini memberi isyarat bahawa faktor psikologi dan pengaruh persekitaran sosial masih memainkan peranan dalam membentuk keberanian pelajar untuk membaca al-Quran secara terbuka. Justeru, usaha untuk memperkukuh budaya sokongan positif dalam kalangan rakan sebaya adalah penting, agar amalan membaca al-Quran bukan sahaja diterima, tetapi juga diraikan sebagai norma yang membina.

Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor kehendak nafsu untuk melakukan perkara lain memberi kesan yang agak seimbang dalam kalangan pelajar. Seramai 22.3% (23 orang) sangat tidak setuju dan 19.4% (20 orang) tidak setuju, menjadikan 41.7% (43 orang) pelajar menolak kenyataan ini. Namun, terdapat juga 24.3% (25 orang) yang tidak pasti, menunjukkan sebahagian pelajar sukar menilai sama ada kekangan dalaman ini benar-benar mempengaruhi mereka atau tidak. Pada masa sama, 23.3% (24 orang) setuju dan 10.7% (11 orang) sangat setuju, menjadikan lebih daripada sepertiga pelajar mengakui kelemahan diri dalam melawan kecenderungan kepada aktiviti lain sebagai faktor penolak mereka daripada membaca al-Quran.

Analisis ini mencerminkan bahawa walaupun majoriti pelajar tidak merasakan kelemahan mengawal nafsu sebagai masalah utama, masih terdapat jumlah yang signifikan mengakuinya sebagai penghalang. Faktor ini menunjukkan adanya cabaran berkaitan disiplin diri dan pengurusan keutamaan dalam kalangan pelajar. Dengan dunia moden yang penuh dengan hiburan digital, media sosial, dan pelbagai aktiviti sampingan, kecenderungan pelajar untuk mendahulukan perkara lain daripada bacaan al-Quran adalah realiti yang perlu diberi perhatian. Oleh itu, pendekatan pendidikan yang menekankan pengukuhan motivasi dalaman, latihan pengurusan masa, serta pembentukan budaya membaca al-Quran sebagai rutin harian adalah penting untuk membantu pelajar mengatasi cabaran ini.

Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor pengaruh rakan sebaya dalam bentuk aktiviti berkumpul bukanlah halangan utama bagi kebanyakan pelajar. Hal ini dapat dilihat apabila 18.4% (19 orang) sangat tidak setuju dan 25.2% (26 orang) tidak setuju, menjadikan 43.7% (45 orang) pelajar menolak kenyataan tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat peratusan yang agak besar iaitu 33.0% (34 orang) pelajar memilih tidak pasti, yang mungkin menunjukkan mereka berada dalam situasi ketidakpastian sama ada bacaan al-Quran terganggu kerana banyak mengikut aktiviti rakan, atau mereka tidak benar-benar menilai pengaruh tersebut terhadap diri mereka.

Selain itu, 16.5% (17 orang) setuju dan 6.8% (7 orang) sangat setuju, menjadikan kira-kira 23.3% (24 orang) pelajar mengakui bahawa penglibatan bersama rakan dalam aktiviti tertentu boleh menjadi penghalang mereka daripada membaca al-Quran. Keputusan ini menunjukkan bahawa walaupun majoriti pelajar tidak merasakan ia sebagai masalah besar, pengaruh sosial tetap memberi kesan terhadap segelintir pelajar. Ini memberi isyarat bahawa suasana persekitaran dan kelompok rakan sebaya perlu diberikan perhatian yang sewajarnya, kerana kumpulan rakan sebaya yang kurang memberikan penekanan kepada nilai-nilai agama sangat berpotensi menghalang budaya membaca al-Quran secara berterusan dalam kalangan mereka.

Selain demikian, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa majoriti besar pelajar menolak faktor kurang minat sebagai sebab mereka tidak membaca al-Quran. Seramai 68.9% (71 orang) sangat tidak setuju dan 15.5% (16 orang) tidak setuju, menjadikan 84.5% (87 orang) keseluruhan yang menolak kenyataan tersebut. Keputusan ini jelas membuktikan bahawa minat membaca al-Quran masih wujud dengan kuat dalam kalangan pelajar UiTM Pasir Gudang, sekaligus menafikan tanggapan bahawa generasi muda tidak berminat terhadap bacaan al-Quran.

Walaupun demikian, terdapat 11.7% (12 orang) yang tidak pasti dan hanya 3.8% (4 orang) yang mengaku setuju atau sangat setuju. Walaupun bilangannya kecil, ia tetap penting kerana mencerminkan kewujudan segelintir pelajar yang mungkin menghadapi masalah motivasi dalaman atau pengaruh persekitaran sehingga minat membaca al-Quran mereka berkurangan. Secara keseluruhannya, data ini menunjukkan bahawa faktor “tidak minat” bukanlah penghalang dominan, namun masih perlu diberi perhatian supaya minat pelajar dipupuk dan diperkukuhkan melalui pendekatan pengajaran yang lebih kreatif, program motivasi, dan suasana persekitaran yang menyokong.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor media sosial merupakan salah satu isu yang agak signifikan mempengaruhi amalan bacaan al-Quran pelajar. Walaupun terdapat 23.3% (24 orang) sangat tidak setuju dan 23.3% (24 orang) tidak setuju, menjadikan 46.6% (48 orang) yang menolak kenyataan tersebut, masih terdapat peratusan besar pelajar yang mengakui media sosial sebagai faktor penghalang. Hal ini dapat dilihat apabila 26.2% (27 orang) setuju dan 8.7% (9 orang) sangat setuju, menjadikan kira-kira 35% (36 orang) pelajar mengakui kecenderungan menggunakan WhatsApp, Facebook, dan aplikasi lain menyebabkan mereka kurang membaca al-Quran. Tambahan pula, 18.4% (19 orang) tidak pasti, yang menunjukkan wujud kelompok pelajar yang tidak menyedari bahawa masa mereka sebenarnya banyak dihabiskan pada media sosial berbanding ibadah membaca al-Quran.

Analisis ini memberi gambaran jelas bahawa pengaruh teknologi, khususnya media sosial, adalah faktor penghalang yang perlu diberi perhatian serius. Walaupun hampir separuh pelajar menolak media sosial sebagai punca, hakikat bahawa lebih sepertiga pelajar mengakuinya membuktikan ia menjadi cabaran nyata dalam kalangan generasi muda. Ketagihan terhadap media sosial yang sering mengambil masa senggang, digabungkan dengan sifat hiburan segera yang ditawarkan, telah melemahkan tumpuan pelajar terhadap aktiviti kerohanian. Oleh itu, usaha mendidik pelajar tentang kepentingan keseimbangan penggunaan teknologi, termasuk program kesedaran digital dan pembentukan disiplin diri, amat penting supaya media sosial tidak terus menjadi penghalang utama dalam mengamalkan bacaan al-Quran secara konsisten.

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa faktor penghalang utama amalan pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar UiTM cawangan Johor lebih banyak berkaitan dengan aspek kesibukan urusan lain, pengaruh

persekitaran sosial, dan penggunaan media sosial berbanding isu kelemahan asas bacaan atau kurangnya minat. Majoriti pelajar menolak anggapan bahawa mereka kurang membaca al-Quran kerana tidak mahir atau tidak berminat, yang menunjukkan tahap asas kemahiran bacaan mereka masih baik dan minat terhadap al-Quran masih kukuh. Walau bagaimanapun, sebahagian pelajar mengakui faktor seperti kesibukan akademik, pengaruh rakan sebaya, kecenderungan mengikuti kehendak nafsu, dan penggunaan media sosial benar-benar menjejaskan rutin bacaan mereka.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini membuktikan bahawa cabaran luaran dan dalaman masih wujud dalam mempengaruhi kekerapan pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Walaupun kebanyakan pelajar mempunyai asas yang baik, mereka tetap berdepan dilema pengurusan masa, disiplin diri, serta pengaruh digital yang semakin mencabar. Oleh itu, sokongan institusi melalui program pengukuhan seperti halaqah al-Quran, bengkel motivasi, dan kesedaran digital sangat penting untuk memastikan bacaan al-Quran kekal menjadi amalan harian yang berterusan.

RUJUKAN

- Abd Razak, R., & Awang, N. W. (2022). Kajian Hubungkait Antara Amalan Dan Kesedaran Pembacaan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Semester Akhir Politeknik Muadzam Shah. *International Education, Journal Psychology Counseling*, 7 (46), 527-536. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/367624517_UNDERSTANDING_THE_RELATIONSHIP_BETWEEN_PRACTICE_AND_AWARENESS_OF_QURAN_RECITATION_AMONG_FINAL_SEMESTER_STUDENTS_OF_POLYTECHNIC_MUADZAM_SHAH_A_CASE_STUDY
- Abd Razak, R., & Awang, N. W. (2022). Kajian Hubungkait Antara Amalan Dan Kesedaran Pembacaan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Semester Akhir Politeknik Muadzam Shah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (46), 527-536. <https://gaexcellence.com/ijepc/article/download/3475/3142/12257>
- Abdul Latiff, M. I., & Jaafar, N. . (2024). Institusi Tahfiz Di Malaysia: Proses Perkembangan Dan Cabaran: Tahfiz Institutions in Malaysia: Development Process and Challenges. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 7(2), 54–63. Retrieved from <https://qiraat.uis.edu.my/index.php/qiraat/article/view/84>
- Bangsawan, A., Rashed, Z. N., & Salleh, M. H. (2022). Faktor-Faktor Kecemerlangan Hafazan Al-Quran dalam Kalangan Pelajar Tahfiz di Sabah: Factors of Excellence in Memorizing The Holy Al-Qur'an among Tahfiz Students in Sabah. *Jurnal Pengajian Islam*, 31–43. Retrieved from <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/182>
- Daud, Z. ., & Musa, M. A. (2021). Cabaran dan Kekangan dalam Pengajian Tahfiz Separuh Masa: The Challenges and Limitations in Part-Time Tahfiz Education. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 77–88. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no1.90>
- Hasbullah, M. D., Ahmad, Y., & Fakhrul, A. A. K. (2020). Pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar melalui pembelajaran sosial menurut perspektif Islam. *Jurnal Pengajian Islam*, 17(9), 75–89. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/17017/1/44628-143588-1-SM.pdf>
- Hussin, H., Abd. Ghani, A. R. ., Ahmad, A. R., Saleh, M. H. ., & Haridi, N. H. (2022). Dimensi Pelajar Terhadap Penggunaan Medium Teknologi Dalam Kursus Hafazan Al-Quran Semasa Covid-19: Kajian Terhadap Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia . *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 5(1), 27–36. <https://doi.org/10.53840/qiraat.v5i1.45>
- Hussin, H., Ahmad, A. R. ., Saleh, M. H., Yahaya, M., Zakaria, R., & Mohd Haridi, N. H. (2023). Motivasi Ekstrinsik: Analisis Terhadap Cabaran Mengekalkan Hafazan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pengajian Qiraat Usim: Extrinsic Motivation: An Analysis of the Challenge of Retaining Al-Quran Memorization Among Undergraduate Students of Qiraat USIM. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 6(2), 73–83. <https://doi.org/10.53840/qiraat.v6i2.72>
- Matt, C.H. Introduction to Cronbach's Alpha. Diperolehi pada 3 April 2024 daripada <https://mattheward.com/introduction-to-cronbachs-alpha/>
- Mohamad, M. R., Abdul Manaf, M. F., & Shamshul Kamar, M. Z. (2021). Peranan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia dalam pembudayaan talaqqī al-Quran bersanad: Role of higher education

- institutions in Malaysia in cultivating Quranic sanad talaqqī. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 472–481. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v6i1.162>
- Mohd yusoff, N. H., Noor Ashikin Nik Mat, & Mohd Hafiz, S. M. (2025). Pembelajaran Terstruktur Dan Kaedah Pengajaran Hafazan Al-Quran Di Maahad Tahfiz Al-Husni : Structured Learning and Quran Memorization Teaching Methodology at Maahad Tahfiz Al-Husni. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 8(1), 40–48. <https://doi.org/10.53840/qiraat.v8i1.94>
- Mohd Zahid, E. S., Aziz, S. N. A., & Mearaj, M. (2020). Isu tidak membawa al-Quran dalam kalangan pelajar ketika sesi pengajaran dan pembelajaran subjek CTU di UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat. *Universiti Teknologi MARA (UiTM), Jurnal 'Ulwan*, 5(1), 78-95, <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/669/531>
- Noor Zainan, N. I., Awang @ Ab Rahman, N. H., Ismail, M. K. A., & Mat Jusoh, N. A. (2021). Impak media sosial terhadap keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar: Satu tinjauan awal. In *Proceedings of the International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences (i-LEdHS2021)*, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan. Retrieved from <https://ir.uitm.edu.my/45207/1/45207.pdf>
- Razali, N., Ramlan, S. R., & Saidin, M. (2021). Kemahiran bacaan al-Quran secara bertajwid di kalangan pelajar sekolah menengah harian: Satu tinjauan awal. *Proceedings of the 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021) FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia*, 6-7 October 2021. https://www.researchgate.net/publication/361050756_KEMAHIRAN_BACAAN_AL-QURAN_SECARA_BERTAJWID_DI_KALANGAN_PELAJAR_SEKOLAH_MENENGAH_HARIAN_SATU_TINJAUAN_AWAL
- Senin, M.S.M, Don, M.A.M, Rosli, M.R. & Ahmad, M.F (2024). Kesan Amalan Bacaan Al-Quran Dalam Pembentukan Keperibadian Pelajar UiTMPasir Gudang. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*. 6, 210-220. https://www.researchgate.net/publication/381516543_Kesan_Amalan_Bacaan_Al-Quran_Dalam_Pembentukan_Keperibadian_Pelajar_UiTMPasir_Gudang
- Toguan, K. N., Mohamed Hussain, U., Amir, N. H., & Syed Hassan, S. N. (2024). Keberkesanan aplikasi “jomtajwid” dalam memantapkan bacaan Al-Quran di kalangan masyarakat. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 7 (12), 42 - 53. https://www.researchgate.net/publication/383565865_KEBERKESANAN_APLIKASI_JOMTAJWID_DALAM_MEMANTAPKAN_BACAAN_AL-QURAN_DI_KALANGAN_MASYARAKAT
- Zakaria, R., & Hussin, H. (2023). Peranan Ibu Bapa terhadap Pembelajaran al-Quran Secara Atas Talian: The Role of Parents in Learning the Quran Online . *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 6(1), 8–15. <https://doi.org/10.53840/qiraat.v6i1.60>